
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Akhir
Sidang Akademik 2007/2008

April 2008

JTW 111 – PRINSIP PERAKAUNAN KEWANGAN

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **ENAM** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab SEMUA soalan.

Sila pastikan bahawa anda telah menulis angka giliran dengan betul. Tuliskan angka giliran di setiap kertas jawapan anda.

Keseluruhan soalan diperuntukkan 100 markah.

Baca arahan dengan teliti sebelum anda menjawab soalan.

SOALAN 1 (25 markah)

Enam bulan yang lalu En. Arif telah memulakan perniagaan perabot jati yang bernama Arif Jati Sdn Bhd. Beliau sedar akan kepentingan menyediakan penyata kewangan syarikat setiap bulan bagi mengetahui prestasi syarikat. Dengan kesedaran itu beliau ada bertanya dengan rakan-rakan mengenai cara-cara merekod data perakaunan. Walaubagaimanapun beliau masih kurang faham apa yang dimaksudkan dengan pusingan perakaunan, catatan bergu dan andaian entiti perniagaan. Selain daripada itu beliau juga masih kurang pasti adakah beliau patut merekod setiap urusaniaga menggunakan asas tunai atau asas akrual.

Oleh itu anda sebagai pelajar prinsip perakaunan kewangan dikehendaki menjelaskan kekeliruan yang dihadapi oleh En. Arif dengan menerangkan secara ringkas perkara-perkara di atas.

(25 markah)

SOALAN 2 (25 Markah)

Imbangan duga terlaras Perniagaan Alfa Enterprise pada 31 Disember 2005 adalah seperti berikut:-

**Imbangan Duga Terlaras
Pada 31 Disember 2005**

	Debit RM	Kredit RM
Tunai	52,900	
Akaun Belum terima	53,200	
Inventori, 1 Januari 2005	56,700	
Peralatan	80,000	
Susutnilai terkumpul – peralatan		32,000
Akaun Belum bayar		26,100
Akaun Modal		100,000
Akaun Ambilan	15,000	
Jualan		425,800
Pulangan jualan	4,500	
Belian	168,600	
Belanja gaji	80,000	
Belanja iklan	22,000	
Belanja utiliti	5,000	
Belanja sewa	24,000	
Belanja susutnilai	16,000	
Belanja insuran	2,000	
Yuran audit	4,000	
	583,900	583,900

Maklumat tambahan:-

1. Baki inventori pada 31 Disember 2005 adalah RM43,800.

DIKEHENDAKI:

- (a) Kirakan kos barang jualan pada 31 Disember 2005 dengan menggunakan kaedah inventori berkala. (5 markah)
- (b) Sediakan penyata pendapatan dan lembaran imbangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2005 berbentuk T. (20 markah)

SOALAN 3 (30 markah)

Roza & Co. adalah sebuah firma guaman yang telah ditubuhkan pada 1 Januari 2007. Berikut adalah imbangan duga sebelum pelarasan pada 31 Disember 2007:

Imbangan Duga
31 Disember 2007

	Debit RM	Kredit RM
Tunai	38,400	
Akaun belum terima	24,200	
Bekalan pejabat	8,500	
Insuran prabayar	7,200	
Peralatan pejabat	15,000	
Susutnilai terkumpul – peralatan pejabat		3,000
Akaun belum bayar		8,500
Hasil perkhidmatan belum diperolehi		23,000
Akaun modal		40,000
Akaun ambilan	2,000	
Hasil perkhidmatan		94,600
Belanja gaji	55,000	
Belanja utiliti	6,800	
Belanja sewa	12,000	
	169,100	169,100

Maklumat tambahan:-

1. Premium insuran dibayar pada 1 September 2007 untuk tempoh setahun.
2. Baki bekalan pejabat pada 31 Disember 2007 adalah RM850.
3. Peralatan pejabat disusutnilai pada kadar RM3,000 setahun.
4. Hasil perkhidmatan belum diperolehi berjumlah RM9,000 telah diperolehi dan masih belum direkodkan pada 31 Disember 2007.
5. Gaji pekerja untuk bulan Disember berjumlah RM500 belum lagi dijelaskan.

DIKEHENDAKI:

- (a) Sediakan cacatan jurnal untuk merekod catatan pelarasan (10 markah)
- (b) Sediakan imbangan duga selepas pelarasan (5 markah)
- (c) Sediakan penyata pendapatan dan lembaran imbangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2007 berdasarkan pada imbangan duga selepas pelarasan. (15 markah)

...5/-

SOALAN 4 (20 markah)

Ringkasan lembaran imbalan dan penyata pendapatan untuk Syarikat Gemilang Sdn. Bhd adalah seperti berikut:-

Syarikat Gemilang Sdn Bhd
Lembaran Imbalan
Pada 31 Disember

	2005 <u>RM</u>	2006 <u>RM</u>
Tunai	20,000	25,000
Akaun belum terima	45,000	50,000
Lain-lain aset semasa	85,000	90,000
Pelaburan jangka panjang	70,000	75,000
Mesin dan peralatan	370,000	400,000
	590,000	640,000
Tanggung semasa	80,000	75,000
Hutang jangka panjang	85,000	80,000
Saham biasa, RM10 par	300,000	340,000
Pendapatan terkumpul	125,000	145,000
	590,000	640,000

Syarikat Gemilang Sdn Bhd
Penyata Pendapatan
Bagi tahun berakhir 31 Disember

	2005 <u>RM</u>	2006 <u>RM</u>
Jualan	700,000	740,000
(-) Pulangan jualan dan elaun	50,000	40,000
Jualan bersih	650,000	700,000
Kos barang dijual	400,000	420,000
Untung kasar	250,000	280,000
Belanja operasi	218,000	236,000
Untung bersih	32,000	44,000

Anda dikehedaki:-

- (a) Kirakan nisbah-nisbah berikut bagi tahun 2005 dan 2006.
- (i) Nisbah semasa (4 markah)
 - (ii) Nisbah keuntungan –margin untung bersih (4 markah)
 - (iii) Nisbah hutang (4 markah)
- (b) Bandingkan dan jelaskan nisbah-nisbah yang dikira di atas dengan purata nisbah industri. Purata nisbah industri adalah seperti berikut:-
- (i) Nisbah semasa 1.8:1 (2 markah)
 - (ii) Nisbah hutang 0.1 kali (2 markah)
- (c) Berikan DUA (2) kelemahan dalam membandingkan nisbah syarikat dengan purata industri. (4 markah)